

TINDAKAN TATATERTIB

1. Bolehkah pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dinaikkan pangkat?

Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat selagi tempoh hukuman berkuatkuasa. Pegawai hanya layak dipertimbangkan kenaikan pangkat setelah tamat tempoh tidak layak tersebut seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2009.

2. Bolehkah pegawai yang sedang dalam siasatan dipertimbangkan kenaikan pangkat?

Pegawai yang sedang dalam siasatan tatatertib atau SPRM hendaklah dipertimbangkan dalam sesuatu urusan pemangkuan/kenaikan pangkat dan statusnya dimaklumkan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat. Sekiranya pegawai berjaya dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat, keputusan adalah tertakluk kepada pegawai bebas dari sebarang tindakan tatatertib. Jika pegawai didapati bersalah dan dikenakan hukuman tatatertib, maka keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat adalah terbatal.

3. Adakah pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib layak dibayar Bonus/Bantuan Khas Kewangan oleh kerajaan?

Kelayakan pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib mendapat bayaran Bonus/Bantuan Khas Kewangan adalah bergantung kepada syarat kelayakan yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan semasa. Pada kebiasaannya, pegawai yang telah dikenakan hukuman tatatertib adalah tidak layak menerima Bonus/Bantuan Khas Kewangan.